

12) PERUMAHAN

Adun : Y.B. Tuan Nushi Bin Mahfodz (Semenyih)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah projek perumahan terbengkalai di DUN Semenyih setakat ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, hanya terdapat satu (1) projek perumahan terbengkalai yang telah disahkan oleh YB Menteri Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi DUN Semenyih.

- b) Senaraikan projek tersebut mengikut lokasi, pemaju dan status terkini.

Perincian bagi projek perumahan terbengkalai di DUN Semenyih adalah seperti berikut :

NO.	NAMA PROJEK	LOKASI	PEMAJU	FAKTOR TERBENGKALAI	STATUS TERKINI
1.	L'Marq Semenyih	Di Atas Lot 27106 (PT 27735) HS (D) 117234 Dan Lot 27107 (PT 27736) HS (D) 117235, Mukim Semenyih, Daerah Hulu Langat.	TYL & Development Sdn Bhd	Pemaju telah digulung.	1) Projek telah diisytihar sebagai Projek Terbengkalai oleh KPKT pada 1 Jun 2021.

- c) Apakah jumlah pembeli yang terkesan bagi setiap projek?

Untuk makluman Yang Berhormat, LPHS tidak mempunyai rekod pembeli bagi projek perumahan terbengkalai. Walaubagaimanapun, jumlah unit bagi projek L'Marq, Semenyih adalah sebanyak 472 unit.